



Rujukan : UKM PDF/224/3  
Tarikh : 9 Jamadilakhir 1438  
8 Mac 2017

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 2/2017**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENETAPAN MARKAH MAKSIMUM BAGI PENSYARAH YANG TIDAK MENERBIT UNTUK  
PENILAIAN SPPU TAHUN 2017**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil 1/2017 bertarikh 24 Januari 2017 dan Mesyuarat Senat ke-430 bertarikh 15 Februari 2017 memandang berat aspek penulisan dan penerbitan dalam kalangan ahli akademik di Universiti ini. Justeru, pengurusan universiti bersetuju mewajibkan setiap pensyarah menerbit sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan yang berdaftar dalam Sistem e-Rep sebagai salah satu syarat utama bagi membolehkan / melayakkan seseorang ahli akademik menikmati pergerakan gaji tahunan. Implikasi kepada pensyarah yang tidak menerbit akan menyebabkan markah Penilaian Prestasi (SPPU) terhad kepada maksimum 65% sahaja.

3. Sukacita YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua pensyarah di bawah penyeliaan YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebarang kemusykilan, pihak YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Encik Muhamad Nuramin Zainal, Eksekutif, Pejabat Pendaftar, Jabatan Pendaftar di talian 03-8921 3871 atau e-mel :aminzainal@ukm.edu.my.

4. Kerjasama YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Salam hormat,



**ABD RAZAK HUSSIN**

Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: [pdftar@ukm.edu.my](mailto:pdftar@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>